

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TABUNG HAJI SERAH ZAKAT PERNIAGAAN TH 2012 KEPADA ZAKAT PULAU PINANG (MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG)

Pulau Pinang, 17 April 2013 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat perniagaannya kepada Zakat Pulau Pinang (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang) berjumlah RM1,684,247.35.

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah menerima zakat tersebut bagi pihak Zakat Pulau Pinang (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang) yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Paduka Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** bertempat di Sri Mutiara, Jalan Utama, Pulau Pinang.

Pengagihan zakat **TH** ini adalah sebahagian daripada perolehan keuntungan pendapatan yang dicatatkan oleh **TH** untuk tahun kewangan 2012. Jumlah zakat untuk Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2012 ini telah meningkat sebanyak 4.5% berbanding RM1,611,467.34 bagi tahun 2011.

Pembayaran zakat **TH** adalah berdasarkan kaedah modal kerja terlaras yang dilaksanakan mengikut pengiraan tahun kewangan semasa. Jumlah keseluruhan zakat perniagaan **TH** untuk tahun kewangan 2012 yang akan dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak RM41.2 juta.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut YB. Dato' Mansor Bin Haji Othman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait, Pegawai Kewangan Negeri merangkap Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Haji Hassan Bin Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang serta para pegawai **TH**.

- Tamat -

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre dialian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<p>Hasri Hamidan Pengurus Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2125 Tel. Bimbit: 012 2444 117 Faks: 03 2164 0436 Email: hasri@lth.gov.my</p>	<p>Anis Zuhani Ahmad Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2132 Tel. Bimbit: 019 313 2972 Faks: 03 2164 0436 Email: anisz@lth.gov.my</p>
--	--